



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**ARAHAN KETUA PERKHIDMATAN
BIL 1 TAHUN 2018
KRITERIA PEMINJAMAN/ PERTUKARAN SEMENTARA
PEGAWAI JAKIM KE AGENSI AWAM, AGENSI SWASTA DAN
AGENSI ANTARABANGSA**

TUJUAN

1. Arahan Ketua Perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk menetapkan kriteria ke atas pegawai Jakim (bukan guna sama) yang dicalonkan untuk dilantik secara peminjaman/ pertukaran sementara ke Agensi Awam, Agensi Swasta atau Agensi Antarabangsa, berpandukan kepada prosedur peminjaman pegawai seperti yang digariskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12 Tahun 2008 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2012.
2. Penetapan kriteria peminjaman/ pertukaran sementara ini adalah bagi menangani isu pengisian semula jawatan yang kosong akibat peminjaman yang sukar dilaksanakan dengan kadar segera/ serta merta berikutan jumlah Jawatan Kumpulan dan pegawai pengganti yang terhad.
3. Arahan Ketua Perkhidmatan ini tidak terpakai bagi urusan pertukaran sementara untuk mengisi jawatan terbuka di Jakim.

LATAR BELAKANG

4. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008 menyatakan bahawa *"Peminjaman atau pertukaran sementara adalah merupakan salah satu daripada kaedah pelantikan pegawai sedang berkhidmat yang boleh digunakan oleh sesebuah agensi untuk mendapatkan perkhidmatan pegawai yang berpengalaman, berkemahiran, berwibawa dan bersesuaian dengan keperluan Agensi berkenaan. Ia juga merupakan langkah jangka pendek untuk membantu sesebuah agensi, terutamanya agensi yang baru ditubuhkan bagi memantapkan operasi masing-masing.*

5. Antara prinsip utama peminjaman adalah:
- (i) peminjaman perlu **dipersetujui oleh ketiga-tiga pihak** yang terbabit, iaitu Agensi Pembekal, Agensi Peminjam Dan Pegawai;
 - (ii) pegawai akan ditawarkan syarat peminjaman yang mana secara pakejnya tidak kurang baik (no less favourable) berbanding dengan jawatan hakiki khususnya dari segi gaji, elaun dan kemudahan. Kemudahan dalam konteks ini merujuk kepada kemudahan cuti, kediaman, perubatan dan kemudahan lain yang bersesuaian dengan bidang tugas jawatan pinjaman;
 - (iii) Agensi Pembekal, Agensi Peminjam atau Pegawai **boleh memohon menamatkan atau memendekkan tempoh peminjaman** pegawai dengan memberi notis; dan
 - (iv) **apabila kembali ke perkhidmatan hakiki, pegawai akan menerima gaji, elaun dan kemudahan di gred dan perkhidmatan hakiki, seolah-olah pegawai tidak pernah dipinjamkan.** Pegawai tidak berhak menuntut supaya insentif peminjaman dikekalkan atau dibawa ke perkhidmatan hakiki.
6. Arahan Ketua Perkhidmatan ini perlu dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 2008 – Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

TAKRIFAN

7. **Ketua Perkhidmatan** adalah merujuk kepada pegawai yang mengetuai sesuatu Perkhidmatan. Ketua Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Hal Ehwal Islam ialah Ketua Pengarah Jakim.
8. **Ketua Jabatan** adalah merujuk kepada pegawai yang mengetuai sesebuah agensi awam di peringkat Persekutuan (Ketua Setiausaha/ Ketua Pengarah) dan Negeri (Pengarah Jabatan Agama Negeri/ Mufti).
9. **Agensi Pembekal** adalah merujuk kepada agensi awam yang meminjam/ menukar sementara pegawainya kepada agensi peminjam.

10. **Agensi Peminjam** adalah merujuk kepada agensi awam, agensi swasta atau agensi antarabangsa yang mendapat perkhidmatan pegawai agensi awam secara peminjaman/ pertukaran sementara.
11. **Pegawai** adalah merujuk kepada Pegawai Hal Ehwal Islam/ Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam/ Pembantu Hal Ehwal Islam di bawah Ketua Perkhidmatan Hal Ehwal Islam (Ketua Pengarah Jakim) yang berkhidmat di peringkat Persekutuan dan Negeri.

KRITERIA PERTIMBANGAN PEMINJAMAN/ TUKAR SEMENTARA

12. Ketua Jabatan perlu mengambilkira kriteria berikut dalam mempertimbangkan peminjaman pegawai Jakim ke Agensi Awam/ Swasta/ Antarabangsa:
 - i. **weightage tugas-tugas** di agensi peminjam hendaklah mengkhusus kepada skop tugas Perkhidmatan Hal Ehwal Islam secara spesifik;
 - ii. **tempoh peminjaman dihadkan kepada dua (2) tahun** dan dilanjutkan satu (1) tahun lagi sekiranya terdapat keperluan mendesak dari agensi peminjam; dan
 - iii. **jawatan bagi pegawai di Jakim dan JAWI yang dikosongkan** kerana peminjaman **tidak akan diisi** sehingga tamat tempoh peminjaman/ tukar sementara. Manakala peminjaman **selain daripada di dua (2) agensi tersebut**, pengisian bagi kekosongan yang disebabkan oleh urusan peminjaman/ tukar sementara adalah **bukan keutamaan**.

13. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI

- (i) permohonan bagi urusan peminjaman/tukar sementara perlulah melalui Ketua Jabatan sebagaimana yang dinyatakan di Para 8 arahan ini;
- (ii) pegawai hendaklah memenuhi syarat peminjaman seperti yang ditetapkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bil 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 2012 dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa; dan

- (iii) pegawai perlu menjaga imej Negara dan Perkhidmatan Awam Malaysia semasa berkhidmat secara peminjaman dengan menunjukkan prestasi kerja cemerlang dan tahap integriti yang tinggi.

14. KUASA KETUA PERKHIDMATAN

Ketua Perkhidmatan boleh mempertimbang atau tidak mempertimbangkan pegawai-pegawai yang dicalonkan oleh Agensi Peminjam demi kepentingan perkhidmatan.

TARIKH KUATKUASA

- 15. Arahan Ketua Perkhidmatan ini berkuatkuasa serta-merta.

KEKECUALIAN

- 16. Sebarang pengecualian daripada mana-mana peruntukan di dalam Arahan Ketua Perkhidmatan ini hendaklah dirujuk kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jakim bagi mendapatkan pertimbangan Ketua Pengarah Jakim selaku Ketua Perkhidmatan.

PEMAKAIAN

- 17. Arahan Ketua Perkhidmatan ini terpakai bagi Pegawai Hal Ehwal Islam, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam dan Pembantu Hal Ehwal Islam di bawah Ketua Perkhidmatan Hal Ehwal Islam (Ketua Pengarah Jakim).



.....
(DATUK HAJI MOHAMAD NORDIN BIN IBRAHIM)

Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Tarikh : 16 Julai 2018